

Lawatan Industri Ke JUPEM-PERLIS

Oleh **Ayu Wazira Azhari**

Pensyarah

Tanggal 18 Februari 2009, satu lawatan industri ke Jabatan Ukur dan Pemetaan Perlis (JUPEM) telah diadakan yang bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada pelajar berkenaan kaedah perolehan dan pemprosesan data Sistem Maklumat Geografi (GIS) yang dijalankan di JUPEM. Selain itu, lawatan ini juga dapat memberikan serba sedikit maklumat berkenaan bidang dan tugas JUPEM dalam aktiviti perolehan dan pengendalian data Sistem Maklumat Geografi (GIS) serta aktiviti serta kajian yang telah, sedang atau akan dijalankan oleh JUPEM. Seramai 61 orang pelajar beserta empat orang kakitangan akademik telah menyertai lawatan ini yang merupakan sebahagian daripada pendekatan pembelajaran untuk matapelajaran Penderiaan Jauh dan Sistem Maklumat Geografi (GIS) bagi pelajar tahun dua program Kejuruteraan Alam Sekitar. Setibanya di sana, kami diberikan taklimat berkenaan latar belakang dan bidang tugas JUPEM oleh Timbalan Pengarah JUPEM Perlis, Encik Zahar Abdul Rahman. Seterusnya kami diberikan pendedahan lebih terperinci berkenaan penggunaan Sistem Maklumat Geografi (GIS) dalam proses perolehan dan pengendalian data di JUPEM oleh Encik Suhaimi selaku Ketua Bahagian Ukur Berdigit.

Selesai sesi taklimat, kami disediakan dengan jamuan minum petang oleh tuan rumah sebelum kemudiannya dibawa melawat ke sekitar bangunan pejabat JUPEM di mana para pelajar dapat melihat dengan lebih dekat proses-proses yan terlibat dalam perolehan dan pemprosesan data di JUPEM. Lawatan pada petang itu diakhiri dengan penyampaian cenderahati oleh pihak PPKAS kepada pihak JUPEM dan penerimaan cenderahati balas daripada pihak JUPEM. Pihak JUPEM turut menjemput pihak PPKAS untuk menyertai mereka semasa proses pencerapan anak bulan Ramadan dan Syawal yang diadakan setiap tahun. Ribuan terima kasih diucapkan kepada pihak Jabatan Ukur dan Pemetaan Perlis (JUPEM) diatas kesudian menerima dan layanan yang telah diberikan. Semoga hubungan baik yang terjalin semakin kukuh dan berkembang pada masa-masa datang.